

DIASPORA ROHINGYA DI MALAYSIA: PENGEKALAN IDENTITI DAN SURVIVAL MASYARAKAT MINORITI

Azlinariah Abdullah¹

Abstract

The Rohingyas in Myanmar (Burma) are the most discriminated and persecuted people. Despite the fact that the Rohingyas have maintain a continuous existence for several centuries, the junta has denied their citizenship rights claiming that they are illegal settlers from nearby Bangladesh. The Rohingya's diaspora or the huge scale migration of the Rohingyas which took place after the independence of Burma (Myanmar) is related to various complex historical, political and identity reasons. The continuing waves of migration brought the Rohingyas to Malaysia by the end of 1980s. Library sources provide an overview of the identity and minority crisis of these communities from 1962 to 2000. Problems that arose because of their identity as refugees and their survival as a Muslim minority community from Myanmar are also discussed. These findings are based on previous research, experts on Rohingya issue and the Rohingya communities in Malaysia. This research demonstrates that the ambiguous status of Rohingyas prove to be a serious complication in their daily lives. Recognition from the ruling government in Myanmar is much needed to overcome the identity crisis of disenfranchised Rohingya minority while Islamic body such as OIC must give equal attention to the Rohingya rather than just focusing on the Palestine and other Middle East issues.

Keywords: Diaspora, Rohingya, Refugee, Identity, Minority

Pengenalan

Tulisan ini membincangkan mengenai kedudukan serta kehadiran masyarakat Rohingya ke Malaysia yang dilihat sebagai satu cara untuk memastikan pengekalan identiti dan survival mereka terus terjamin. Selain Bangladesh, di mana masyarakat Rohingya hidup diaspora secara majoriti berbanding negara lain, Malaysia turut menerima kehadiran Rohingya dalam jumlah yang besar. Untuk menyiapkan kajian ini, pendekatan berbentuk temu bual telah dilakukan. Kaedah sejarah lisan (oral history) turut digunakan bagi memperoleh maklumat yang lebih jelas. Untuk tujuan itu, seramai 15 warga Rohingya yang kebanyakannya tinggal di Selayang ditemu bual untuk mencungkil rahsia kedatangan mereka ke Malaysia dan kehidupan serta permasalahan selain harapan mereka kepada kehidupan sementara yang mereka jalani di sini.

Wakil Suruhanjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu untuk Pelarian (UNHCR) juga ditemu bual bagi mendapatkan gambaran sebenar status yang dipegang oleh masyarakat tertindas ini. UNHCR merupakan badan utama yang menjaga serta memutuskan apa bentuk status yang wajar diberikan kepada mana-mana kumpulan masyarakat luar yang mendakwa ditindas dan dizalimi kerajaan mereka sebenar. Dalam hal ini, menjadi kewajipan UNHCR membantu apa yang patut untuk merungkai

masalah Rohingya yang mendakwa tidak diiktiraf kerajaan Myanmar sebaliknya ditindas oleh junta di negara berkenaan. Pegawai yang ditemu bual juga ditanyakan sejarah kedatangan Rohingya ke Malaysia, yang dikatakan bermula pada tahun 1990-an, dan kemudiannya bertambah setiap tahun.

Kedatangan Rohingya ke Malaysia

Tidak banyak diketahui asal usul atau tarikh sebenar kedatangan Rohingya ke Malaysia. Hal ini barangkali disebabkan sebelum ini tidak banyak perhatian diberikan kepada kelompok ini. Kalau pun ada, ia kadang kala tenggelam timbul dan ada pasang surut, sebagai contoh jika hal Rohingya mendapat tempat di media tempatan dan antarabangsa kerana isu-isu tertentu, maka pelbagai sudut mengenai mereka digali dan dicari bagi memahami dengan lebih lanjut mengenai masyarakat ini.

Sebagai contoh, ketika kes penculikan kanak-kanak istimewa, Muhammad Nazrin Shamsul Ghazali atau Yin yang hilang di Kompleks Membeli Belah Sogo mendapat liputan besar-besaran di media di negara ini pada 2007, secara tiba-tiba banyak cerita mengenai Rohingya dibongkar. Semuanya kerana seorang warga Rohingya, Rashidah Nurislam, ibu beranak lima yang dikatakan menyelamatkan Yin, tetapi dengan helah menyimpannya bagi dijadikan peminta sedekah.² Media-media kemudiannya banyak menyiarkan laporan mengenai Rohingya, kebanyakannya dari sudut yang bukan positif.

Sebagai contoh disiarkan laporan mengenai ramai Rohingya di negara ini yang menjadi peminta sedekah, terlibat dalam kes keganasan dan sebagainya.³ Begitu juga yang terkini di mana Rohingya mendapat perhatian dunia selepas mendapati mereka tersadai di perairan Thailand dan mendakwa didera tentera marin Thailand. Dalam perkembangan berikutnya, banyak cerita hak asasi, kesengsaraan dan bermacam lagi mengenai Rohingya disiarkan di media cetak dan elektronik sehingga menyebabkan hal Rohingya buat pertama kali diketengahkan ke Sidang Kemuncak ASEAN ke-14 bagi perbincangan peringkat ketua negara di Hua Hin, Thailand.⁴

Golongan Rohingya ini berada di Malaysia melebihi 20 tahun jika sekiranya mengambil kira akhir tahun 1980-an sebagai jangka waktu terawal bagi Rohingya tiba di Malaysia. Namun, ada warga Rohingya yang ditemu bual mengakui mula menetap di Malaysia sejak sebelum tahun 1988 lagi. Hafiz Hashim bin Qassim, seorang ustaz Rohingya yang mengendalikan Sekolah Anak-Anak Yatim dan Tahfiz Quran Hashimiah mengakui

Saya berada di sini sejak tahun 1990, tetapi abang saya, jauh lebih awal datang ke Malaysia. Beliau datang lebih dahulu dari saya, bekerja di Kelantan sebagai pencuci di sebuah restoran. Saya menyusulinya, seingat saya empat tahun selepas dia ke sini. Bermakna abang saya itu telah berada di sini hampir 20 tahun.⁵

Meskipun kenyataan Hafiz Hashim itu boleh diambil kira, namun rekod rasmi yang menjelaskan tarikh sebenar kedatangan mereka ke negara ini tidak diketahui atas sebab-sebab tertentu. Perkara ini dikongsi oleh Yante Ismail, Pegawai Perhubungan UNHCR di Kuala Lumpur dengan penjelasan bahawa:

Rekod UNHCR sendiri berhubung kedatangan Rohingya ke Malaysia bermula tahun 1998, sebelum itu, bilangan mereka ke sini tidak diketahui.⁶

Jika tarikh sebenar kedatangan mereka ke negara ini menjadi misteri, jumlah sebenar kumpulan ini juga tidak diketahui dengan jelas. Tetapi berdasarkan anggaran umum daripada pelbagai sumber terdapat sekurang-kurangnya 14,000 orang Rohingya menetap di negara ini. Pada awalnya, iaitu selepas tahun 1998, anggaran bergantung kepada *US Committee for Refugees* (USCR). Hanya selepas tahun 2005, anggaran dikeluarkan setiap tahun oleh UNHCR pada ketika Hari Pelarian Sedunia disambut pada 20 Jun. Tetapi anggaran populasi Rohingya ini turut bergantung juga kepada data kerja lapangan hasil temu bual dengan beberapa warga Rohingya. Begitu juga laporan dalam *Malaysiakini* dan Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM). Amat penting untuk dijelaskan di sini bilangan mereka berdasarkan kepada anggaran semata-mata kerana angka sebenar Rohingya di sini tidak diketahui.

Namun antara sebab terjadi sedemikian ialah, Rohingya masih dianggap sebagai pendatang tanpa izin dari segi perundangan Malaysia. Golongan ini berdepan masalah isu keselamatan dan seringkali hidup secara nomad atau berpindah randah, mengakibatkan cubaan menghitung bilangan sebenar mereka berdepan kesukaran.

Menurut perangkaan UNHCR, sehingga penghujung September 2007, terdapat kira-kira 38,000 orang pelarian yang berdaftar dengan agensi badan dunia itu di Malaysia. Daripada jumlah itu, seramai 12,800 adalah Rohingya yang berasal dari Rakhine. Dan logiknya, mereka yang berasal dari Rakhine, majoriti adalah Rohingya yang berdepan penindasan berterusan oleh junta tentera di Myanmar. Namun, walaupun perangkaan UNHCR dianggap rasmi, jumlah pelarian Rohingya yang baru tiba, sebenarnya tidak diambil kira. Seperti mana yang diakui oleh *Presiden Community Islam Pro-Democracy Organisation* (CRIPDO), Mustafa Kamal Abu Basir:

Bilangan rasmi pelarian Rohingya beragama Islam di negara ini adalah 15,000 tetapi jumlah sebenar mungkin mencecah 21,000 orang, termasuk yang baru tiba ⁷

Jadual di bawah memperincikan anggaran bilangan Rohingya yang dibuat oleh sumber-sumber tertentu dan dirumuskan sebagai berikut:

Jadual 1: Anggaran jumlah Rohingya di Malaysia ⁸

Tahun	Anggaran Populasi (orang)	Sumber
1998	5,000	US Committee for Refugee (USSR)
1999	5,100	US Committee for Refugee (USSR)
2000	5,000 – 8,000	Human Rights Watch (HRW)
2002	8,900	Angkatan Belia Islam (ABIM)
2003	10,200	Angkatan Belia Islam (ABIM)
2004	10,500	UNHCR
2005	11,000	UNHCR
2006	11,600	UNHCR
2007	12,800	UNHCR
2008	14,000	Anggaran oleh warga Rohingya yang ditemu bual

Daripada jadual di atas yang mengambil kira sumber UNHCR dan pelbagai sumber lain, jelas sekali bahawa bilangan Rohingya bertambah saban tahun bermula 1998. Mengapa pertambahan ini berlaku, apakah faktor yang mengakibatkan bilangan mereka semakin bertambah akan dibincangkan seterusnya dalam topik ini di mana antara yang menyumbang kepada kebanjiran warga Rohingya ke Malaysia ialah kerana tujuan ekonomi. Mereka yang menjadi golongan minoriti di sesebuah negara akan mencari satu tempat yang baik boleh menerima mereka, tetapi juga meyakinkan dari segi ekonomi memandangkan ekonomi boleh menyebabkan mereka hidup tidak sahaja sentosa tetapi juga kalangan generasi mereka terpelihara jika ekonomi dijaga.

Sebagaimana aliran yang berlaku di mana kumpulan ini membanjiri Bangladesh pada tahun 1992 dan lebih awal daripada itu disebabkan dakwaan penindasan serta penderaan oleh junta tentera, begitu halnya juga yang berlaku apabila mereka memilih untuk datang dan hidup secara diaspora ke Malaysia. Kalangan beberapa aktivis hak asasi dan badan bukan kerajaan (NGO) seperti Chris Lewa dan Nyi Nyi Kaw berpandangan bahawa kebanjiran di Bangladesh berlaku kerana dua operasi besar ke atas mereka, selain beberapa bentuk penindasan berterusan ke atas mereka dan keluarga. Operasi Nagamin dan Phi Thaya, kedua-duanya bertujuan sebagai tindakan pemutihan untuk mencari atau membebaskan Myanmar daripada pendatang haram. Hukuman kerana tidak ada dokumen masalah yang dialami kebanyakan Rohingya) seringkali mahu dielakkan oleh kumpulan ini. Maka tindakan untuk lari sama ada dari hukuman atau penindasan berterusan ialah keluar dari bumi itu yang menjadi tanah air mereka. Seperti mana yang diceritakan oleh seorang warga Rohingya yang ditemui, Jaafar Hussein bahawa :

Saya datang ke Malaysia semata-mata mahu mencari wang dan hidup lebih selamat tanpa diganggu oleh junta tentera Myanmar. Saya di sini mencari besi buruk, memang susah, tetapi di Myanmar, hidupnya jauh lebih susah daripada di Malaysia. Tujuan saya ke sini, memang betul-betul mahu simpan wang untuk dihantar kepada keluarga.⁹

Apabila sekumpulan Rohingya berjaya melarikan diri dan mendapat kehidupan yang agak baik di negara yang mereka lari, ini mendorong minat kumpulan lain untuk turut sama menikmatinya. Perlu diingatkan, aliran sebegini bukan sahaja menimpa Rohingya tetapi juga kumpulan minoriti lain yang tinggal di negara jiran seperti dari Aceh semasa masalah peperangan dengan Gerakan Aceh Merdeka (GAM).

Apabila mereka mendapat kehidupan yang baik dan ekonomi boleh dikatakan memberangsangkan, mereka bertindak memanggil pula kaum keluarga dan sahabat handai untuk turut serta. Ini menumbuhkan satu kelompok masyarakat tertentu di kawasan khusus digemari dan menjadi tumpuan mereka. Bagi Rohingya, tempat tumpuan mereka ialah di Selayang, Ampang, Padang Jawa, Kelang dan ada sesetengahnya menghuni di Putrajaya. Jumlah yang semakin ramai itu juga dikaitkan dengan sikap positif kerajaan ke atas golongan pelarian. Pada satu ketika, kerajaan Malaysia, dikatakan mempamerkan sikap yang semakin positif untuk menerima Rohingya ini sebagai pelarian, malah pada tahun 2005, kerajaan melalui Kementerian Dalam Negeri mengisytiharkan pelarian Rohingya boleh diserap sebagai tenaga kerja di negara ini, bagi menampung kekurangan buruh di Malaysia.¹⁰

Perubahan pada polisi negara itu mengakibatkan mereka semakin gemar datang ke negara ini. Daripada Jadual 1 di atas sekali pun menunjukkan dengan jelas bahawa

selepas tahun 2005, bilangan mereka bertambah mendadak dan kemungkinan besar disebabkan oleh keputusan kerajaan Malaysia membenarkan mereka bekerja di negara ini. Bagaimanapun sehingga kini perubahan dasar itu tidak dapat dilaksanakan, atas sebab-sebab yang tidak dipastikan dengan jelas.

Permasalahan Rohingya di Malaysia

Walaupun Rohingya ini boleh dikatakan diterima baik oleh kerajaan Malaysia, kaum Rohingya ini masih berdepan masalah yang tidak pasti di negara ini. Sebagai contoh, mereka ada masalah dari segi status dan pemilikan dokumen. Memandangkan mereka tidak diiktiraf oleh kerajaan Myanmar sebagai warganegara itu, jika mereka memasuki ke mana-mana negara sekali pun, tentunya secara menyeludup, mereka akan diburu oleh pihak imigresen dan berdepan dihantar pulang ke negara asal.

Jika Malaysia menerima mereka sebagai pelarian, kerajaan perlu menanggung makan-minum dan tempat tinggal mereka sehingga ada negara ketiga yang sanggup menerima mereka. Pernah satu ketika, kerajaan pada tahun 2004 ada ura-ura untuk memberikan status pelarian kepada kumpulan ini, tetapi ia dibantah oleh banyak pihak atas alasan ia bakal mengundang kebanjiran lebih ramai warga asing ke Malaysia.¹¹ Masalah juga wujud kerana kerajaan Malaysia tidak ada mekanisme untuk memberikan status sama ada kepada pelarian atau pemohon suaka. UNHCR, melalui mandat yang diberikan, bertanggungjawab menjaga kebajikan dan memutuskan status ke atas semua pelarian, termasuk Rohingya, memberi kad kepada kumpulan ini dan mengiktiraf mana-mana yang layak sebagai pelarian.

Kad sementara ini bagaimanapun tidak diterima oleh pihak berkuasa di negara ini, walaupun ia sepatutnya diiktiraf dan diterima. Akibatnya, mereka berdepan untuk ditangkap dan dihantar ke pusat tahanan sebelum diusir keluar ke sempadan Thailand. Sebagai jalan keluar kepada masalah ini, mereka akan sentiasa melarikan diri jika ada maklumat terdapat operasi ke atas mereka. Dengan itu, mereka sentiasa diancam ketakutan dan kebimbangan ditangkap oleh pihak berkuasa di negara ini. Akibat selalu berpindah randah kepada soal keselamatan, membuatkan sebilangan mereka tidak boleh bekerja secara tetap untuk menampung hidup sendiri serta keluarga.

Status juga memberi masalah kepada golongan Rohingya yang berada di Malaysia. Ini kerana apabila mereka tiba ke sini dengan ketiadaan sebarang dokumen atau identiti, mereka akan dianggap pendatang haram. Tetapi mereka yang mengaku Rohingya dari Myanmar ini akan ke pejabat UNHCR untuk mendapatkan kad sementara pelarian. Namun mereka terpaksa menempuh beberapa siri temuduga oleh pegawai-pegawai UNHCR yang terdiri daripada pelbagai latar belakang termasuk peguam bela, doktor dan pegawai kebajikan termasuk juga wakil-wakil badan bukan kerajaan (NGO) dari tempat asal mereka menentang. Mereka akan memperoleh kad sementara hanya selepas mereka disahkan memenuhi ciri-ciri tertentu yang menepati kehendak UNHCR. Jika tidak, mereka akan kekal sama ada menjadi pendatang haram atau pemohon suaka.¹²

Antara Pelarian, Pendatang Tanpa Izin dan Pencari Suaka

Ketiga-tiga terma di atas mempunyai makna yang berbeza, tetapi ketiga-tiganya dipegang oleh kalangan warga Rohingya di negara ini. Status inilah yang menjadi masalah buat

kira-kira 15,000 Rohingya di negara ini, termasuk beribu-ribu lagi masyarakat ini yang baru tiba ke Malaysia. Hal ini diakui sendiri oleh seorang sarjana tempatan yang juga Dekan Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia (USM), Profesor Abu Talib Ahmad yang ditemu bual oleh Astro Awani dalam slot Awani Global pada 27 Februari 2009. Dalam temu bual itu, beliau berkata :

Rohingya tenggelam dalam status yang tidak pasti, mengakibatkan masalah kompleks ini sukar diselesaikan. Kecuali jika soal ini diputuskan terlebih dahulu, masalah Rohingya di negara ini akan kekal tidak pasti¹³

UNHCR mengguna pakai terma pelarian sebagaimana yang diterima pakai oleh persetujuan antarabangsa. Pelarian, kepada UNHCR dirujuk sebagai individu dari luar yang tidak boleh pulang ke negara asal atas sebab khuatir didera dan ditindas kerana faktor agama, ras, kewarganegaraan dan perbezaan politik selain menjadi anggota kepada sesebuah kumpulan sosial. Mereka yang menjadi pelarian diiktiraf secara rasmi oleh UNHCR atau sesebuah negara.

Jadual di bawah menunjukkan jumlah mereka yang direkod sebagai pelarian oleh UNHCR di negara ini sehingga tahun 2011. Memandangkan UNHCR mengeluarkan statistik ini setiap tiga tahun, maka tahun 2011 adalah dikira terkini.

Jadual 2: Bilangan Pelarian di Malaysia

<i>Kategori</i>	2002	2005	2008	2011
Pelarian	5,309	50,517	50,612	33,693

Sumber: UNHCR

Daripada jadual di atas, dapat difahami bahawa jumlah pelarian yang asalnya naik mendadak di antara tahun 1999 hingga 2002 adalah disebabkan oleh sikap positif kerajaan kepada kumpulan ini. Pada masa tersebut, kerajaan menggalakkan industri dan perladangan tetapi kekurangan buruh untuk bekerja di kilang dan perladangan. Perlu diingatkan pelarian ini, bukan merangkumi dari Myanmar semata-mata tetapi juga dari Indonesia, Filipina, Kemboja, Nepal dan Thailand.

Sebagaimana diterangkan sebelum ini, pelarian mendapat hak dan keistimewaan tertentu apabila mereka diberi status berkenaan. Contohnya, mereka tidak boleh ditahan atau diberkas, mereka juga boleh diberikan kebenaran untuk bekerja menampung hidup di negara yang mereka berlindung. Tetapi permasalahannya, Rohingya, walaupun ada yang mendapat status ini berdepan dengan ancaman ditangkap dan diberkas serta dihantar pulang. Laporan oleh *U.S Committee For Refugees and Immigrants* (USCRI) pada tahun 2007 mendedahkan bahawa Malaysia mengusir kira-kira 1,200 pelarian dari Myanmar (ini turut sama merangkumi bukan sahaja Rohingya tetapi Chin dan Karen) ke Thailand, sebelum kemudiannya pegawai imigresen Thailand menyerahkan lebih 30 orang ke pihak berkuasa Myanmar. Pelarian yang dapat pulang ke negara asal tetapi meninggalkan pula Myanmar sebelum dapat masuk semula ke Malaysia memberitahu bahawa para pegawai Myanmar mendera dan menahan mereka selama beberapa bulan, selain mendenda mereka dengan jumlah yang tinggi, iaitu sehingga AS\$1,000 hingga 7,900 atau bersamaan 6,000 hingga 50,000 rakyat.¹⁴

Sementara itu, Rohingya di negara ini juga rata-rata dianggap pendatang tanpa izin atau mereka golongan yang tidak memiliki dokumen. Dari segi takrif, mana-mana individu akan dianggap pendatang haram ini dari segi undang-undang jika memasuki mana-mana negara tanpa kebenaran. Tidak kira mereka tidak bernegara, lari kerana perang dan konflik serta sebagainya, jika tiada dokumen sepertimana diperuntukkan kerajaan yang dimasukinya, akan dianggap haram atau tanpa izin. Status ini banyak dipikul oleh Rohingya yang berada di negara ini. Ini kerana Rohingya, atas sifat mereka tiada negara, secara automatik tiada dokumen rasmi atau bentuk identiti. Mereka juga tiada pasport, jauh sekali visa yang membenarkan mereka tinggal mahupun bekerja di negara ini. Perlu diingatkan bahawa ada sebahagian pemohon suaka adalah pendatang tanpa izin, ada sebilangan kecil sebaliknya.

Seperti kata seorang warga Rohingya yang tinggal lebih lima tahun di Malaysia dan hanya ingin dikenali sebagai Hafiz:

Saya tidak boleh pulang ke Myanmar, ia beri risiko besar kepada nyawa saya. Saya tiada dokumen di sini. Saya dalam situasi buntu. Saya - Rohingya yang tiada dokumen tinggal di Malaysia¹⁵

Isu status Rohingya di negara ini dikatakan semakin kompleks apabila mereka turut dianggap pemohon suaka. Sebagaimana disebut di atas ada sesetengah pemohon suaka tidak mempunyai dokumen tetapi ada sebahagian kecil yang memiliki dokumen, contohnya mereka ada pengenalan diri menyatakan mereka dari Myanmar. Istilah pemohon suaka digunakan untuk merujuk kepada mana-mana individu yang mungkin juga memegang status pelarian tetapi tidak diiktiraf sebagai contoh kes permohonan mereka untuk menjadi pelarian masih ditangguhkan oleh UNHCR atau sesebuah negara. Jadual-jadual berikut menunjukkan jumlah pemohon suaka di negara ini, bilangan pemohon mengikut negara dan permohonan baru yang diperhalusi oleh UNHCR.

Kehidupan Rohingya di Malaysia

Kebanyakan Rohingya datang ke negara ini sehelai sepinggang, meninggalkan orang tersayang di Myanmar untuk mengimpikan kehidupan baru yang lebih baik di rantau orang. Namun identiti yang dibawa iaitu pelarian, ada ketikanya pendatang tanpa izin dan pemohon suaka, sebagaimana dibincangkan sebelum ini, tidak memberikan mereka sebagaimana yang dimahukan. Malang bagi mereka, selepas tiba di negara ini, kehidupan mereka juga dipenuhi unsur tidak pasti, bukan seperti yang diidamkan dan diimpikan oleh mereka. Disebabkan kerajaan di negara mereka menafikan kerakyatan Rohingya, agak sukar untuk menemui masyarakat ini yang memiliki dokumen perjalanan bagi menyatakan identiti mereka. Justeru, ia turut memberi masalah kepada Rohingya meneruskan kehidupan di negara ini. Antara masalah yang didepani mereka termasuk pengangguran; tiada jaminan pekerjaan; kesukaran generasi baru mendapatkan identiti sekalipun lahir di sini; tiada pendidikan rasmi dan ancaman keselamatan yang tidak pernah surut. Masalah-masalah yang mereka hadapi ini diringkaskan menerusi topik kecil di bawah berserta pengakuan daripada warga Rohingya yang ditemu bual.

a) Kemiskinan dan pengangguran

Umumnya, Rohingya di negara ini adalah pekerja tidak mahir. Maka jenis pekerjaan yang mereka lakukan tentunya menjurus kepada di tapak pembinaan, mengutip besi, memotong rumput, pembantu penjaja di pasar dan bekerja di kilang. Majikan, sebahagian besar enggan menggaji Rohingya atas alasan bimbang risiko yang datang daripada pihak berkuasa manakala tidak terkecuali mengambil kesempatan memberi upah yang sangat minimum kepada mereka. Kesengsaraan dan kemiskinan ini seperti mana yang diceritakan oleh warga emas Rohingya yang hanya mahu dikenali sebagai Ahmad.

Semasa di Myanmar saya ada kemahiran bertukang. Di Malaysia juga saya bertukang, tetapi kini umur sudah tua. Anak saya seorang sahaja bekerja. Keluarga sembilan orang sahaja. Umur tua, ada penyakit, tidak boleh bertukang lagi. Anak lelaki kerja mencari besi buruk, gaji tidak tentu, paling banyak diberi RM500 sebulan. Jumlah itu tidak cukup untuk kami anak beranak, sewa sahaja sudah RM250. Isteri saya sering membeli ikan yang murah...dijadikan ikan masin, itulah lauk utama...¹⁶

Pengangguran juga menjadi masalah buat Rohingya. Ini bertitik tolak daripada masalah dokumen mereka. Logik mudah, tiada dokumen bermakna, mereka memegang status pendatang tanpa izin. Jalan keluarnya pula, majoriti mereka bekerja sendiri seperti mencari kotak, menjadi pembantu di pasar dan pengumpul besi buruk. Tetapi operasi penangkapan pendatang asing menjadikan mereka kadang-kadang memilih untuk duduk diam di rumah, walaupun memikul tanggungjawab sebagai ketua rumah tangga. Itulah yang ditanggung oleh seorang isteri, 25 tahun dan telah berhijrah ke negara ini sejak lebih 10 tahun lalu. Wanita yang hanya mahu dikenali sebagai Zeinab ini memberitahu:

Sehingga kini, suami saya sudah lebih dua bulan menganggur. Awalnya dia bekerja di pasar, tetapi operasi sentiasa ada, dia tukar kerja sebagai pengutip kotak..sama juga, serbuan pihak berkuasa menjadikan suami saya tidak mahu keluar rumah. Kerja di pasar susah, cari kotak pun susah....¹⁷

b) Tiada jaminan pekerjaan

Sumber pencarian ekonomi bagi kebanyakan Rohingya masih pendapatan suami. Tetapi pekerjaan yang diperoleh sebenarnya tiada jaminan insurans, kesihatan dan cuti bergaji. Gaji yang diterima tidak setimpal kerja berat dilakukan. Sebagai contoh, Husin, memutuskan untuk tidak lagi bekerja di tapak pembinaan apabila mendapati majikan menipunya. Memerah keringatnya seboleh mungkin, tetapi gaji diperoleh tidak menentu, kadang-kala harian; acap kali diberi secara bulanan. Husin, warga Rohingya yang berasal di Moulmein berkata:

Saya bekerja di tapak pembinaan, tetapi banyak penipuan. Gaji kerap kali tidak diberi walaupun selepas projek siap. Cuti susah, kalau sakit, perlu ambil cuti tanpa gaji, tiada faedah boleh dinikmati dalam pekerjaan...¹⁸

c) Rawatan Perubatan

Kebanyakan Rohingya, khususnya warga tua menghadapi masalah kesihatan yang serius seperti kencing manis dan darah tinggi. Meskipun menyedari kepentingan menjaga kesihatan, namun mereka berupaya mendapatkan rawatan sewajarnya, disebabkan

tidak mampu dan kebanyakan mereka tidak ada dokumen. Bayaran perubatan yang dikenakan ke atas Rohingya juga lebih tinggi memandangkan mereka dianggap warga asing di negara ini. Tetapi, ketiadaan dokumen lebih azab berbanding masalah mereka yang tiada dokumen apabila berurusan berhubung perubatan di hospital di negara ini. Seperti diceritakan oleh isteri Husin, Jamilah:

Saya selalu pening, mungkin sebab kurang darah, saya ke hospital untuk periksa penyakit apa, tetapi doktor suruh pulang semula sebab saya tiada dokumen.¹⁹

Di negara ini, anak-anak Rohingya tidak dibenarkan mengikuti pendidikan formal. Disebabkan itu kebanyakan mereka buta huruf, walaupun fasih berbahasa Malaysia. Walaupun menyedari masa depan anak-anak mereka bakal gelap kerana peraturan itu, kebanyakan ibu bapa Rohingya ini tidak berputus asa, tetap mahu anak mereka didaftar bagi mengikuti pendidikan formal. Itulah satu-satunya sandaran dan bekal masa depan generasi seterusnya.

Menyedari kepentingan pendidikan, seorang bapa, Hamed Mohd Sharif berharap anaknya berpeluang mengikuti pendidikan di negara ini, tetapi menemui kehampaan apabila setiap kali cubaannya dibuat, ia ditolak. Katanya:

Saya amat berharap anak saya boleh bersekolah, kerajaan ke agama ke, semuanya baik, bagus...tetapi pendaftaran biasanya ditolak. Pernah beberapa kali saya cuba, setiap kali itu tidak diterima, walaupun di sekolah yang baru dibuka dan pelajarinya pula sedikit...²⁰

Umum mengetahui bahawa melalui pendidikan sahaja, sebarang perubahan atau jaminan masa depan dapat dijamin. Untuk tempoh jangka panjang, pendidikan formal amat diperlukan oleh anak-anak Rohingya ini. Namun sehingga hari ini, peluang itu masih tiada unsur-unsur pasti. Persoalannya, sampai bila generasi Rohingya di negara ini perlu berdepan dengan ketidakpastian sedemikian rupa?

Sementara itu, hasil maklumat yang dikongsi bersama warga Rohingya yang ditemu bual, mereka memberitahu pada tahun 2002 hingga 2004 ada sebuah sekolah tidak formal di bawah tajaan UNHCR dengan kerjasama Yayasan Salam Selangor di Cheras. Sekolah itu, yang digelar madrasah menjadi satu-satunya peluang pendidikan kepada anak-anak Rohingya. Tetapi ia menghentikan operasi pada tahun 2005, disebabkan ketiadaan sumber kewangan daripada pihak penaja. Namun, dalam perkembangan berikutnya, setahun kemudian, ia kembali beroperasi selepas mendapat penaja lain.

Terdapat juga sekolah yang dikendalikan oleh Ustaz Hafiz Hashim di Sekolah Anak-Anak Yatim dan Tahfiz Quran Hashimiah di Selayang. Ia juga pendidikan tidak rasmi untuk sandaran anak-anak Rohingya di negara ini. Menurut Ustaz Hafiz, bilangan pelajar Rohingya bertambah setiap tahun sejak ia memulakan operasi pada tahun 2000. Sehingga kini, terdapat 103 pelajar berusia seawal empat tahun hingga remaja mengikuti pembelajaran al-Quran, tahfiz, agama dan bahasa Malaysia selain komputer. Namun kelangsungannya juga banyak bergantung kepada bantuan dan ehsan daripada pihak luar termasuk menyumbang bekalan beras, gula, susu dan sebagainya. Paling kritikal ialah bekalan susu dan beras, memandangkan anak-anak Rohingya perlu diberi makanan berzat untuk cergas dalam pendidikan.

d) Sijil Kelahiran

Daripada temu bual, kebanyakan Rohingya tidak mempunyai sijil kelahiran. Malang bagi mereka, di Rohingya tiada dokumen pengenalan diri, di Malaysia begitu juga. Rata-rata generasi baru Rohingya yang lahir di Malaysia, tidak memiliki sijil kelahiran. Sama ada mereka takut, ibu bapa sendiri tiada dokumen perjalanan, menjadikan anak-anak Rohingya membesar tanpa ada sijil kelahiran. Contohnya, Husin, kesemua cucunya lahir di Malaysia; Hamed, dua anaknya juga 'produk Malaysia'. Cucu Husin tiada sijil lahir begitu juga anak Hamed. Baik Husin mahupun Hamed, mereka takut ditahan polis seandainya mendapatkan sijil kelahiran bagi cucu dan anak. Isu sijil kelahiran ini satu lagi perkara yang perlu diberikan perhatian. Ketiadaan sijil kelahiran akan meleret pula kepada masalah untuk mendapatkan dokumen lain seperti permit pekerjaan, kad pengenalan dan sebagainya. Masalah ini sebenarnya ada hubung kait dengan kenafian mereka dalam mengetahui prosedur mendapatkan sijil kelahiran. Seperti yang diceritakan oleh Mohd Yunus Abdul Ghani :

Anak saya hanya seorang yang ada sijil kelahiran, itupun hasil pertolongan rakan warganegara Malaysia. Tiga yang lain, tiada sijil walaupun lahir di Malaysia. Saya lebih bimbang jika anak-anak saya tiada sijil kelahiran. Saya sendiri tidak kisah jika tiada dokumen²¹

e) Isu Keselamatan

Hal ini juga yang membawa masalah kesukaran mendapat dokumen sah bagi sebahagian besar Rohingya di Malaysia. Perlu diingatkan, kebanyakan Rohingya yang datang ke Malaysia tidak mempunyai dokumen status pelarian walaupun mendaftar diri di UNHCR. Satu-satunya dokumen mereka ialah surat perlindungan sementara atau *temporary protection*, diberikan UNHCR. Ia bagaimanapun kurang dihormati sebagai dokumen sah oleh penguasa tempatan. Operasi kebiasaannya dilakukan oleh Ikatan Sukarelawan Malaysia (RELA), tidak kurang juga pegawai imigresen. Oleh kerana itu, rata-rata Rohingya, lelaki atau wanita, mengalami pengalaman ditahan oleh pihak keselamatan.

Polis datang menyerbu tanpa diduga ke rumah. Saya dan rakan-rakan lain ditahan dan dibawa ke balai selama beberapa hari. Saya kemudiannya dihantar ke kem sebelum dibawa pula ke sempadan Thailand. Tetapi saya masuk semula selepas membayar orang tengah hasil bantuan rakan-rakan di Malaysia...²²

Begitu juga wanita Rohingya, tidak terkecuali berdepan dengan hambatan keselamatan. Cerita mereka:

Sekumpulan polis datang ke tempat kami, buat pemeriksaan. Kata polis, kalau ada surat perlindungan yang tamat tempoh akan dihalau balik ke Myanmar. Saya bimbang, anak-anak saya tiada dokumen, sijil lahir pun tak ada, khuatir jika mereka pula ditangkap...

Rohingya yang dihantar pulang melalui sempadan seboleh-bolehnya akan datang semula ke negara ini. Di sini, kaum keluarga, rakan-rakan akan membantu membayar ejen-ejen supaya boleh diseludup semula mereka yang diusir pulang. Mereka seboleh-bolehnya enggan kembali ke tanah air kerana bimbang diancam dan tidak diterima

sama sekali. Tidak dapat dinafikan ramai Rohingya, tidak kira apa status mereka dihantar pulang oleh pihak berkuasa di negara ini selepas mereka ditahan atas sebab tidak memiliki dokumen sah. Laporan *U.S Committee For Refugees and Immigrants* sebagaimana telah disebutkan sebelum ini yang didedahkan pada tahun 2007, Malaysia menghantar pulang hampir 1,200 pelarian Myanmar ke Thailand. Daripada jumlah tersebut, lebih 30 orang dihantar ke Myanmar dan selebihnya berjaya masuk semula ke Malaysia dan menetap di Thailand.

Jaringan Sosial

Dalam keadaan yang tidak pasti dan serba serbi kepayahan, dalam hal-hal tertentu mereka memasang jaringan sesama sendiri. Di sini, prinsip ringan sama dijunjung, berat sama dijinjing benar-benar diamalkan mereka untuk membina jaringan sesama Rohingya. Soal ini menjadi sangat penting dalam kehidupan Rohingya apa lagi mereka ialah pelarian yang mengharapkan sinar dan teduh di negara orang.

Kebanyakan Rohingya tinggal berdekatan sesama mereka, menyewa dalam satu rumah yang dipenuhi sesak dengan keluarga dan rakan-rakan lain. Satu unit rumah misalnya disewa oleh tiga keluarga untuk tujuan penjimatan. Begitu juga yang tiada keluarga, akan menyewa bilik dan tinggal secara beramai-ramai, cara mereka meringankan bebanan ekonomi. Sungguhpun begitu, hidup secara komuniti membenarkan mereka saling membantu dan menyelesaikan masalah pihak lain yang kesempitan. Di sini pula, mereka mengamalkan prinsip sedikit masa dicicah, banyak sama dilapah. Selain bantuan berbentuk individu, seperti keluarga Hamed membantu membayar yuran bersalin cucu Husin, terdapat pertubuhan Rohingya yang bermatlamat memberi pertolongan kepada anggota komuniti.

Perlu disebut di sini bahawa antara pertubuhan itu ialah yang paling popular, Pusat Maklumat Rohingya yang berpangkalan di Taman Bukit Teratai. Pusat ini banyak bekerjasama dengan badan-badan serta pertubuhan amal di negara ini khususnya jika memerlukan Rohingya ini terlibat dalam majlis amal. Begitu juga, terdapat *Rohingya Solidarity Democratic Movement* (RSDM) di mana ibu pejabatnya di Thailand dengan dibangunkan oleh kumpulan hak asasi manusia. Terdapat juga *Ethnic Rohingya Human Rights Organization* (ERHRO) selain terkini, yang banyak mengeluarkan kenyataan lantang, *Community Rohingya Islam Pro-Democracy Organization* (CRIPDO) yang diketuai Presiden, Mustafa Kamal Abu Basir. Walaupun pertubuhan ini beribu pejabat di Kulai Jaya, Johor, ia tidak menghalang pertubuhan ini daripada menjaga kebajikan kira-kira 15,000 Rohingya yang ada di negara ini.

Kelebihan jaringan ini juga digunakan oleh Rohingya untuk memastikan survival identiti mereka. Rohingya boleh dikatakan gagal memastikan identiti mereka terpelihara di negara sendiri. Maka, mereka seboleh-bolehnya menggunakan negara orang, dengan keterbatasan kewangan, kekangan tempat tinggal, mereka berjaya memastikan identiti mereka dijaga. Sebagai contoh, mereka menjaga agama mereka, tetap mementingkan ajaran Islam, tidak melupakan tanggungjawab kepada Allah s.w.t. Mereka juga kebanyakannya bertutur bahasa Burma, bahasa kebangsaan di negara sendiri, Myanmar. Semasa perayaan dalam kalangan penganut Islam disambut di negara ini seperti Aidil Fitri dan Aidil Adha, mereka yang berkemampuan menunaikan zakat dan menunaikan ibadat korban. Tetapi dalam kebanyakan keadaan, mereka menerima zakat dan hasil

korban. Namun, mereka bekerjasama dengan masyarakat tempatan untuk sama-sama menunaikan ibadat puasa dan menumbangkan haiwan korban bagi tujuan ibadat sempena Aidil Adha.

Rohingya juga, di sebalik dakwaan menyatakan mereka masyarakat tertindas, dianggap berjaya di Malaysia, walaupun bukan semua bernasib baik sebegitu. Sebagai contoh, di kawasan Selayang, terdapat kira-kira 120 buah keluarga mendiami kawasan pangsapuri, dengan kebanyakannya berniaga di Pasar Borong Selayang dan berniaga barangan daripada Myanmar seperti misalnya, bedak sejuk yang dipakai sebahagian besar warga Rohingya di sini. Bedak sejuk itu dikenali sebagai "Thanaka" selain kain sarung untuk lelaki, dikenali sebagai "longyi" di Myanmar. Begitu juga, terdapat kuih-kuih tempatan dijual di sekitar bangunan pangsapuri di belakang Pasar Borong Selayang. Paling mengejutkan, terdapat restoran khusus untuk warga Rohingya di kawasan berkenaan. Restoran yang dikenali sebagai Anjung Selatan itu dibuka oleh warga Rohingya yang telah lebih 20 tahun berada di Malaysia. Rempah-rempah yang digunakan untuk memasak beriyani ditempah khas dari Yangon, bagi memastikan keaslian nasi beriyani Myanmar dipelihara.

Kesimpulan

Memang benar, sebagaimana dibincangkan, Rohingya tiada tempat untuk mengadu apabila status mereka diambil kira. Disebabkan tiada polisi yang jelas tentang kedudukan Rohingya di Malaysia, status mereka "hanyut" di antara pendatang tanpa izin, pelarian dan pemohon suaka. Walaupun kerajaan pernah melahirkan hasrat, melalui kenyataan media, bahawa ia akan menerima Rohingya sebagai pelarian dan menyerap mereka sebagai tenaga kerja, ia tidak menjadi kenyataan disebabkan oleh faktor-faktor yang tidak dapat dielakkan. Sebagai sebuah negara yang sehingga kini tidak menandatangani Konvensyen Pelarian 1951 dan Protokol 1967, undang-undang Malaysia tidak menyediakan satu ruang untuk menerima sebarang golongan pelarian. Malahan, sebagaimana dibincangkan, dokumen yang diberikan oleh UNHCR tidak diakui sebagai dokumen sah harus dimiliki Rohingya. Oleh kerana hambatan ini, Rohingya, yang berjumlah hampir 15,000 orang di negara ini, menghadapi pelbagai masalah terutamanya dari segi ekonomi, kesihatan, pendidikan dan keselamatan. Bermakna, mereka berdepan dengan masalah kehidupan dan masa depan yang tidak pasti. Unsur tidak pasti ini bukan sahaja dihadapi oleh generasi sekarang tetapi di kalangan pelapis, remaja dan kanak-kanak Rohingya.

Walaupun berdepan dengan masalah yang tidak pasti, mereka tetap berjuang menjalani hidup yang penuh kesukaran itu. Sebagai warga Rohingya yang mahukan sebuah kehidupan sentosa di negara sendiri pada satu hari nanti, mereka mementingkan perjuangan mereka dalam memastikan survival identiti dipelihara. Ini jelas sekali dalam perbincangan di atas bahawa mereka menjaga agama, penampilan, juadah harian dan bahasa untuk tujuan komunikasi. Jaringan komunikasi sesama mereka juga dipastikan membantu kebajikan Rohingya di negara ini. Beberapa pertubuhan yang dibangunkan atas kesedaran melindungi kebajikan Rohingya dari semasa ke semasa mengeluarkan kenyataan mengingatkan bahawa Rohingya di negara ini bukan sepatutnya disisihkan sebaliknya perlu dibela supaya pada masa depan, mereka boleh kembali semula ke tanah air dengan status diiktiraf.

Nota

- ¹ Azlinariah Abdullah merupakan pelajar Ijazah Doktor Falsafah (PhD) di Institut Asia Eropah (AEI), Universiti Malaya.
- ² Lihat misalnya, laporan berita berjudul "Pasangan Myanmar Jumpa Nazrin Direman 4 Hari", *Utusan Malaysia*, 2007 hlm. 6. Lihat juga berita berjudul "MCA Pertikai Yin Disimpan 2 Minggu", *Berita Harian*, 2007, hlm. 4
- ³ Lihat misalnya, laporan berita berjudul "Banteras Gejala Pengemis Sepenuhnya", *Utusan Malaysia*, April 2007, hlm. 3. Lihat juga berita yang menyusul selepas itu dalam akbar sama, "Hargailah Pasangan Myanmar Serah Yin", *Utusan Malaysia*, April 2007, hlm. 10
- ⁴ Wan Norazah Wan Chik, 2009. "Rohingya Jadi Agenda ASEAN", *Utusan Malaysia*, Februari, hlm.10 dan lihat juga Ibid, Isu Rohingya Ke Sidang ASEAN, *Utusan Malaysia*, Februari, hlm. 11.
- ⁵ Temu bual dengan Hafiz Hashim Qasim berlangsung di Sekolah Agama Tahfiz Hashimiyah di mana beliau menjadi Pengetuannya
- ⁶ Temu bual bersama Yante Ismail dijalankan di pejabatnya di UNHCR di Jalan Petaling, 9 pagi. 18 Jun, 2010. Kenyataan sama pernah dikeluarkan oleh Yante semasa temu bual bersama penulis bagi menghasilkan artikel untuk siaran dalam akhbar *Utusan Malaysia*. Lihat misalnya, Azlinariah Abdullah, 2006. "Tukar Persepsi Pada Pelarian", *Utusan Malaysia*, Jun, hlm. 7.
- ⁷ Temu bual telefon secara langsung bersama Mustafa Kamal Abdul Bashir disiarkan di dalam Buletin Awani, 18 Jun 2011, 6 petang.
- ⁸ Anggaran kedatangan hanya sehingga 2008 kerana data hanya dikeluarkan UNHCR dianggap sah. Bagaimanapun menurut UNHCR, perangkaan selepas 2008 sehingga 2012 tidak dapat didedahkan atas sebab-sebab tertentu. Perangkaan bilangan Rohingya boleh dilihat di alamat www.unhcr.org
- ⁹ Temu bual Jaafar Hussein berlangsung di Sekolah Anak-Anak Yatim dan Tahfiz Quran Hashimiah di Selayang, 17 Jun 2011, 9 pagi.
- ¹⁰ Baradan Kuppasamy, 2005. "Malaysia : Stateless Clan Finally Gets Right to Work", *New Straits Times*, April, hlm. 5.
- ¹¹ Aziz Ishak, 2004. "Malaysia Undang Kebanjiran Pendatang Myanmar", *Utusan Malaysia*, November, hlm. 6
- ¹² Temu bual bersama Dr. Volker Turk, bekas Wakil UNHCR ke Malaysia. Hasil temu bual disiarkan dalam rencana sempena Hari Pelarian Sedunia, 20 Jun 2006 di *Utusan Malaysia*. Lihat Azlinariah Abdullah, 2006. "Pelarian Tagih Simpati", *Utusan Malaysia*, Jun, hlm 6. Kini jawatan yang disandang Dr. Volker digantikan dengan Wesper Kerner sejak Februari 2009.
- ¹³ Temu bual dengan Prof Abu Talib Ahmad dilakukan bagi mendapatkan pandangannya berhubung kali pertama isu Rohingya dibawa ke pentas Sidang Kemuncak ASEAN ke-14 di Hua Hin, Thailand. Isu Rohingya diketengahkan ke Sidang ASEAN oleh Malaysia dan Indonesia.
- ¹⁴ Laporan *U.S Committee For Refugees and Immigrants (USCRI)*, 2007. Laporan boleh diakses di alamat <http://www.refugees.org/countryreport.aspx?id=2008>
- ¹⁵ Identiti Hafiz dirahsiakan atas sebab-sebab keselamatan. Temu bual bersamanya dilakukan dengan bantuan UNHCR.
- ¹⁶ Temu bual bersama Ahmad dilakukan lebih awal iaitu pada September 2007 di kediamannya di Kelang bagi menghasilkan tulisan dalam Jurnal Pemikir terbitan Utusan Karya Sdn Bhd. Lihat misalnya Azlinariah Abdullah, 2007. "Rohingya Kaum Yang Dilupakan", *Pemikir*, edisi Okt-Dis.
- ¹⁷ Temu bual bersama Zeinab dilakukan di di Sekolah Anak-Anak Yatim dan Tahfiz Quran Hashimiah di Selayang. Bagaimanapun atas sebab-sebab bimbang keselamatan diancam, Zeinab meminta identiti serta gambarnya tidak dirakamkan.

- ¹⁸ Temu bual bersama Husin dilakukan di Sekolah Anak-Anak Yatim dan Tahfiz Quran Hashimiah di Selayang.
- ¹⁹ Jamilah menemani Husin semasa temu bual dilakukan di Sekolah Anak-Anak Yatim dan Tahfiz Quran Hashimiah di Selayang.
- ²⁰ Temu bual bersama Hamed Mohd Sharif dilakukan di Sekolah Anak-Anak Yatim dan Tahfiz Quran Hashimiah di Selayang
- ²¹ Temu bual bersama Mohd Yunus Abdul dilakukan di Sekolah Anak-Anak Yatim dan Tahfiz Quran Hashimiah di Selayang
- ²² Temu bual bersama Mohd Rafiq Abdul Majid dilakukan di Sekolah Anak-Anak Yatim dan Tahfiz Quran Hashimiah di Selayang

Rujukan

- Abu Talib Ahmad, 2008. "Rohingya dan Konflik Etnik di Arakan". Dalam: *Konflik Dunia Abad Ke-20*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- , 2000. *Sejarah Myanmar*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Arakan, 1992. "Burma...Forced Labor and Religious Persecution in Northern Arakan". *Asia Watch* 7 Mei, 4/13.
- , 1996. "Burma: The Rohingya Muslim, Ending a Cycle of Exodus?". *Human Rights Watch*. Hong Kong/New York, September.
- Aye Chan, 2005. "The Development of a Muslim Enclave in Arakan (Rakhine) State of Burma (Myanmar). *SOAS Bulletin of Burma Research* 3(2).
- Azharuddin Mohamed Dali & Azlinariah Abdullah, 2012. *Air Mata Kesengsaraan Rohingya, Identiti, Penindasan dan Pelarian*. InTeam Publishing.
- Azlinariah Abdullah, 2009. *Identiti dan Minoriti di Asia Tenggara : Sejarah Masyarakat Rohingya di Myanmar 1962 hingga 2000*. Tesis Sarjana, University Malaya
- , 2008. "Rohingya-Pelarian Yang Dilupakan". *Jurnal Pemikir*, Kuala Lumpur: Utusan Karya Sdn Bhd.
- Bathcelor, Carol A., 1988. "Statelessness and the Problem of Resolving Nationality Status". *International Journal of Refugee Law* 10, New York.
- , 1995. "Stateless Person: Some Gaps in International Protection". *International Journal of Refugee Law* 1, New York.
- Berlie, Jean A., 2008. *The Burmanization of Myanmar's Muslims*. Bangkok : White Lotus.
- Cady, John. F., 1960. *A History of Modern Burma*. Ithaca NY: Cornell University Press.
- Christie, Clive J., 2000. "At the Frontier of the Islamic World: The Arakanese Muslim". Dalam: *A Modern History of Southeast Asia, Decoloniation, Nationalism and Separatism*, London/New York: I. B Tauris.
- Cohen Robin, 1997. *Global Diaspora An Introduction*. University of Washington Press.
- Fredholm, Michael, 1993. *Burma, Ethnicity and Insurgency*. London: Praeger.
- Furnivall, J. S., 1960. *The Governance of Modern Burma*. New York: Institute of Pacific Relations.
- Gravers, Mikael, 1999. *Nationalism as Political Paranoid in Burma. An Essay on the Historical Practice of Power*. Surrey: Curzon.
- Hall, D. G. E., 1981. *A History of South-East Asia*. London: Macmillan.
- Harrison, J. B., 2003. "Arakan" in *Encyclopedia of Islam*. Leiden: Brill.
- Hatley, R., 1967. *The Overseas Indian in Southeast Asia: Buma, Malaysia and Singapore*. Yale University.

- Harvey, G. E., 1967. *History of Burma*. London : Frank Cass.
- Heather, Derek, 1990. *Citizenship*. London : Longman.
- Imtiaz Ahmed, 2001. "Bangladesh-Myanmar Relations and the Stateless Rohingya". *Burma Library*.
- Izziah Suryani Arshad, 2001. "Sejarah Minoriti Muslim Myanmar". Dalam: *Minoriti Muslim, Cabaran dan Harapan Menjelang Abad ke-21*. Bangi: UKM.
- Jackson Preece, Jennifer, 2005. *Minority Rights, Between Diversity and Community*. Cambridge: Polity.
- Jilani, Ahmed F. K., 1999. *The Rohingyas of Arakan: Their Quest of Justice*. USA.
- Lewa, Chris, 2003. "Military, Forced Relocation and the IDP's in Burma". Dalam: *Displaced Within Homeland, The IDP's of Bangladesh and the Region*. Dhaka: Dhaka University Press.
- , 2007. "Asia New Boat People: Thousand of Stateless Rohingya Are Leaving Burma and Bangladesh, Dreaming Better Life in Malaysia. Dalam: *Forum Asia Bangkok*.
- Mehden, Fred R. von. Der, 1968. *Religion and Nationalism in Southeast Asia: Burma, Indonesia, The Philippines*. London: University of Wisconsin.
- Mohammed Ali Chowdhury, 2004. "The Advent of Islam and the Rahaingyas (Rohingyas)". *Pakistan Historical Society* 1(1).
- Nicholas Van Hear, 1998. *New Diaspora*, Taylor & Francis.
- Nyi Nyi Kyaw, 2008. *Rohingya Muslim: Myanmar's Most Forgotten People*. Singapore: S.Rajaratnam School of International Studies (RSIS).
- Renanud Engreteau, 2012. *Burma in Diaspora : A Preliminary Note on the Politics of Burma Diasporic Communities in Asia* in *Journal of Southeast Asian Affairs*. GIGA German Institute of Global and Area Studies, Hamburg University Press.
- Safron William, 1991. *Diaspora in Modern Societies : Myth of Homeland Return*. Routledge.
- Saw, Khin Maung, 2011. *Islamization of Burma Through Chittagonian Bengalis as 'Rohingya Refugees'*. Narinja News Media, September.
- Silverstein, Josef, 1980. *Burmese Politics: The Dilemma of National Unity*. New Brunswick: Rutgers UP.
- Smith, Martin, 1991. *Burma: Insurgency and Politics of Ethnicity*. London: Zed Books.
- Steinberg, David I, 2001. *Burma: The State of Myanmar*. Washington DC: Georgetown UP.
- S. Amrith Sunil, 2011. *Migration and Diaspora in Modern Asia*. Cambridge University Press.
- Thant Myint-U., 2001. *The Making of Modern Burma*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Tucker, Shelby, 2001. *Burma: The Curse of Independence*. London: Pluto Press.
- Wan Norazah Wan Chik, 2009. "Thailand Setuju Selesai Masalah Rohingya". *Utusan Malaysia*.
- Wheeler, Geoffry, 1962. *Racial Problems in Soviet Muslim Asia*. London: Oxford University Press.
- Yegar, Moshe, 2006. *Between Integration and Secession. The Muslim Communities of the Southern Philippines, Southern Thailand and Western Burma/Myanmar*. Lanham/New York: Lexington Books.
- , 1982. "The Muslim of Burma" in *The Crescent in the East: Islam in Asia Major*. London: Curzon Press.
- , 1972. *The Muslim of Burma. A Study of a Minority Group*. Wiesbaden: Otto Harrasowitz.

